PERATURAN PELAJAR PPIQ

KEHADIRAN

Kesalahan	Hukuman
1. Datang selepas waktu sekolah bermula	• Bayar denda $2 setiap kali lewat • **4 kali** dan ke atas: 1. Berikan tazkirah selama 4 minit di hadapan pelajar. 2. Ibu bapa akan diberitahu • **8 kali** dan ke atas: 1. Ditahan 1 jam selepas sekolah untuk lakukan pembersihan 2. Ibu bapa akan diberitahu 3. Kelakuan dalam Result Slip: Sederhana
2. Tidak datang sekolah atas apa jua sebab (**dengan** mesej dari ibu bapa pada hari yang sama pada waktu sekolah)	• Jika sampai **5 kali**: 1. Tidak boleh lagi *absent*. 2. Ibu bapa akan diberitahu • **6 kali** dan ke atas: 1. Markah kehadiran dalam Result Slip akan dipotong 2. Ibu bapa akan diberitahu 3. Kelakuan dalam Result Slip: Sederhana
3. Tidak datang / ponteng sekolah (**tanpa** mesej dari ibu bapa pada hari yang sama pada waktu sekolah / mesej sampai selepas waktu sekolah atau pada hari lain)	• Ibu bapa akan diberitahu setiap kali tidak datang sekolah • **3 kali** dan ke atas: 1. Markah kehadiran dalam Result Slip akan dipotong 2. Ibu bapa diminta untuk jumpa sekolah 3. Kelakuan dalam Result Slip: Sederhana • **5 kali** dan ke atas: 1. Pelajar tidak dibenarkan ambil peperiksaan semester 2. Ibu bapa akan dimaklumkan.
4. Tidak datang sekolah kerana sakit (dengan MC)	Tiada tindakan
5. Tidak datang sekolah kerana sakit (melebihi hari MC)	Minta klinik tambah MC. Jika tidak, dianggap Kelasahan 2 atau Kesalahan 3.

PAKAIAN

Pakaian seragam perempuan:

1. Jubah hitam kosong beserta seluar panjang
2. Tudung labuh warna hitam kain koshibo (mesti menutupi dada, belakang dan sisi bahu kanan dan kiri)
3. Membawa Shoe bag setiap hari

Pakaian seragam lelaki:

1. Jubah / baju kurung hitam untuk Isnin-Khamis
2. Jubah putih untuk Jumaat
3. Singlet dalam warna hitam/putih
4. Slack warna gelap
5. Kopiah hafiz warna putih sahaja
6. Membawa Shoe bag setiap hari

Kesalahan	Hukuman
1. Memakai pakaian yang jarang, ketat, T-shirt, atau baju lain seperti hoodie dan jacket 2. Memakai *face mask* tanpa izin 3. Memakai contact lens berwarna atau yang besarkan mata *Untuk perempuan:* 4. Memakai shawl atau tudung pendek 5. Memakai angkle sock 6. Memakai niqab ketika waktu sekolah 7. Semua bentuk barang kemas *Untuk lelaki:* 8. Memakai seluar selain daripada yang dibenarkan 9. Memakai songkok selain daripada yang dibenarkan	• Bayar denda $2 • Jika tidak boleh buka pakaian itu, pelajar disuruh balik. • Jika boleh buka pakaian / aksesori itu, ia dirampas • Ibu bapa diberitahu
10. Tidak membawa shoe bag	• Bayar denda $2
11. Memakai wangian yang kuat	• Bayar denda $2 • Diberi amaran untuk tidak lakukan lagi • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
12. Memakai *makeup* (untuk perempuan)	• Bayar denda $2 • Hilangkan *makeup* di muka • Diberi amaran untuk tidak lakukan lagi • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan

13. Memakai inai di kuku / jari (*untuk perempuan*)	• Bayar denda $2 • Bersihkan seberapa yang boleh • Diberi tempoh seminggu untuk hilangkan • Diberi amaran untuk tidak lakukan lagi • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
14. Menyimpan kuku panjang	• Bayar denda $2 • Potong kuku • Diberi amaran untuk tidak lakukan lagi • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
Untuk lelaki: 15. Rambut panjang melebihi 1 inci dari telinga 16. Rambut menutup dahi	• Bayar denda $2 • Rambut dipotong oleh guru displin • Diberi amaran untuk tidak lakukan lagi • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
17. Rambut diwarnakan (*untuk lelaki*)	• Bayar denda $2 • Diberi tempoh 3 hari untuk warnakan kembali kepada hitam • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
18. Rambut perm (*untuk lelaki*)	• Bayar denda $2 setiap minggu hingga perm hilang • Ibu bapa diberitahu

BARANG TERLARANG

Semua barang yang terlarang di bawah mesti diserahkan kepada guru sebelum kelas bermula.

Kesalahan	Hukuman
1. Membawa handphone atau apa jua alat elektronik dalam kelas melainkan atas izin guru.	• Bayar denda $2 • Barang dirampas dan dipulangkan selepas kelas. • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan dan barang dipulangkan keesokan harinya.
2. Membawa: • apa jua bentuk alat solek • apa jua barang kemas • apa jua aksesori fesyen • apa jua niqab yang berfesyen	• Bayar denda $2 • Barang dirampas dan dipulangkan selepas kelas. • Jika ulangi, ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan
3. Membawa: • apa jua barang haram seperti bahan hiburan / lucah, arak, rokok, vape • apa juga barang yang membahayakan seperti pisau, pemetik api	• Bayar denda $2 • Barang dirampas dan tidak dipulangkan • Ibu bapa akan diberitahu • Jika ulangi, digantung sekolah seminggu

KELAKUAN

Semua pelajar mesti patuh dan ikut dengan kelakukan berikut:

Sewaktu Kelas

1. Menambah hafalan harian / melakukan tugasan rumah yang diberikan oleh guru
2. Membawa mushaf atau buku teks ke sekolah dan bawa balik ke rumah
3. Masuk kelas tepat pada masanya selepas waktu rehat
4. Tidak berbual dalam kelas
5. Pergi ke tandas pada waktu rehat atau sekali sahaja ketika waktu kelas
6. Tidak keluar kelas tanpa izin guru
7. Tidak keluar dari kawasan Darul Huffaz dalam waktu persekolahan
8. Tidak meniru ketika dalam ujian / peperiksaan

Dengan Guru

1. Hormati guru
2. Beri salam kepada guru ketika jumpa
3. Ikut arahan dan nasihat guru
4. Salam dan cium tangan guru sebelum pulang

Dengan Kawan

1. Beri salam kepada pelajar-pelajar lain ketika datang
2. Tidak gunakan kata-kata kesat, biadap, maki
3. Tidak bergurau, mengejek, mengganggu dan mempermain-mainkan pelajar lain
4. Tidak bergaduh secara fizikal
5. Tidak menyentuh anggota badan yang sensitif
6. Hormati Ketua Pelajar

Luar Waktu Sekolah

1. Tidak pergi ke tempat-tempat yang haram seperti concert
2. Tidak bergaduh secara fizikal
3. Tidak anggotai kumpulan samseng
4. Tidak merokok / vaping
5. Tidak mencuri
6. Tidak meminum minuman keras
7. Tidak mengambil dadah
8. Tidak buka aurat

Hubungan Lelaki Perempuan

1. Tidak ber-‘couple’ antara lelaki dan perempuan
2. Tidak berjalan bersama-sama lelaki dan perempuan
3. Tidak mengambil gambar / video bersama lelaki dan perempuan
4. Tidak berinteraksi antara lelaki dan perempuan, sama ada secara lisan, tulisan, videocall, termasuk di media sosial

Darul Huffaz

1. Makan dan minum luar bilik darjah kecuali atas izin guru
2. Buang sampah selepas makan dan minum
3. Tidak menggotorkan kawasan Darul Huffaz
4. Tidak merosakkan harta benda Darul Huffaz
5. Tidak menggunakan aircon tanpa izin guru/pejabat
6. Tidak membazir air dan elektrik
7. Tidak mencaj alat elektronik kecuali atas izin guru
8. Tidak buka aircon melainkan antara pukul 8.40 pagi hingga 2.30 petang

Media Sosial

1. Jangan upload gambar/video yang tidak sesuai sebagai orang Islam
2. Jangan berikan komen-komen yang tidak sesuai dan negatif
3. Jangan berikan likes atau share gambar/video/komentar yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam.

Kesalahan	Hukuman
1. Meniru ketika dalam ujian / peperiksaan.	• Kertas dirampas dan pelajar dihalau dari bilik ujian / peperiksaan. • Ibu bapa diberitahu.
2. Menggunakan kata-kata kesat, biadap, maki (**yang dimaki perlu laporkan kepada guru**) 3. Bergurau, mengejek, mengganggu dan mempermain-mainkan pelajar lain (**yang diejek dan dipermain-mainkan perlu laporkan kepada guru**) 4. Bergaduh secara fizikal tanpa kecederaan (**yang dipukul perlu laporkan kepada guru**) 5. Menyentuh anggota badan yang sensitif (**yang disentuh perlu laporkan kepada guru**)	• Kali **pertama**: Bayar denda $2 dan membaca Istighfar 100x dihadapan guru dan • Kali **kedua**: 1. Bayar denda $2 2. Ibu bapa diberitahu 3. Ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan • Kali **ketiga dan seterusnya**: 1. Bayar denda $2 2. Ibu bapa diberitahu 3. Ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan 4. Jumpa Mudir
6. Tidak hormati guru 7. Tidak hormati Ketua Pelajar	• Kali **pertama**: 1. Diberikan teguran oleh guru • Kali **kedua**: 1. Jumpa Mudir 2. Memberi tazkirah tentang adab di hadapan pelajar 3. Markah kela • Kali **ketiga dan seterusnya**:

	1. Digantung kelas untuk tempoh yang ditentukan Mudir 2. Kelakuan dalam Result Slip: Sederhana
8. Bergaduh di luar secara fizikal 9. Anggotai kumpulan samseng 10. Mencuri 11. Meminum minuman keras 12. Mengambil dadah	• Kali **pertama**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Digantung sekolah 2 minggu • Kali **kedua**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Dibuang sekolah
13. Ber-'couple' 14. Berjalan bersama-sama lelaki dan perempuan 15. Mengambil gambar / video bersama lelaki dan perempuan 16. Berinteraksi antara lelaki dan perempuan, sama ada secara lisan, tulisan, videocall, termasuk di media sosial	• Kali **pertama**: 1. Diberikan amaran keras • Kali **kedua**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Ditahan 1 jam selepas sekolah untuk tugas pembersihan • Kali **ketiga dan seterusnya**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Digantung sekolah 2 minggu
17. Merokok / vaping 18. Bergaduh di Darul Huffaz 19. Buli	• Kali **pertama**: 1. Diberikan amaran keras • Kali **kedua**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Digantung sekolah seminggu • Kali **ketiga**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Dibuang sekolah
20. Upload gambar/video yang tidak sesuai sebagai orang Islam 21. Berikan komen-komen yang tidak sesuai dan negatif 22. Likes atau share gambar/video/komentar yang tidak sesuai dengan ajaran agama Islam.	• Kali **pertama**: 1. Diberikan amaran keras 2. Delete gambar/komen/shares • Kali **kedua**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Digantung sekolah seminggu • Kali **ketiga**: 1. Ibu bapa dipanggil 2. Dibuang sekolah
23. Merosakkan harta benda Darul Huffaz	• Kali **pertama:** 1. Ibu bapa dipanggil 2. Kos pembaikan ditanggung ibu bapa • Kali **Kedua dan seterusnya:** 1. Ibu bapa dipanggil 2. Kos pembaikan ditanggung ibu bapa 3. Digantung sekolah seminggu